

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	7 APRIL 2016

Tunku Abdul Rahman negarawan hebat, berjiwa rakyat

UM - 7/4/2016

KUALA LUMPUR 6 April - Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzudin Shah menyifatkan Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman merupakan seorang negarawan hebat dan berjiwa rakyat apabila seluruh kehidupannya diabadikan untuk masyarakat walaupun mempunyai darah keturunan raja.

Ketika melancarkan buku *Conversations With Tunku Abdul Rahman* tulisan Tan Sri Abdullah Ahmad, baginda bertitah, ketika hayatnya, Tunku Abdul Rahman amat dikenali sebagai insan yang memancarkan sinar kemanusiaan sejagat dan menyemarakkan semangat perpaduan merentasi sempadan agama, negara, bangsa, budaya dan strata sosioekonomi.

Sultan Nazrin bertitah, kedudukan Tunku Abdul Rahman sebagai Ketua Eksekutif negara tidak bermaksud untuk beliau menikmati

keistimewaan sebagai seorang putera raja, sebaliknya, merupakan satu tanggungjawab untuk dipikul secara serius sebagai pemegang amanah kepada kekayaan negara yang mahu dikongsi bersama rakyat.

“Dalam satu bab dalam buku ini ketika perbualan dengan penulis, Tunku berulang kali menyatakan bahawa dia melihat dirinya sebagai seorang ‘lelaki rakyat’ dan bukan sebagai seorang putera daripada kerabat raja.

“Tunku dalam hidupnya sentiasa menegaskan bahawa beliau mungkin telah dilahirkan di dalam sebuah istana tetapi sebagai seorang demokrat yang sebenar, beliau sentiasa menganggap rakyat sebagai ‘raja-raja sebenar di negara ini’ manakala hidupnya pula sebagai hamba untuk rakyat, memimpin rakyat kerana telah terpilih untuk memimpin dan bu-

kannya di atas hak kelahirannya,” titah baginda ketika melancarkan buku itu di Memorial Tunku Abdul Rahman Putra di sini hari ini.

Sultan Nazrin bertitah, buku itu memaparkan kompilasi rakaman temubual antara Bapa Kemerdekaan itu dengan Abdullah, seorang yang pernah mengenali rapat Tunku Abdul Rahman dalam tempoh dua tahun antara 1982 hingga 1984.

Titah baginda, bahan perbualan yang telah dibukukan itu mengandungi sebahagian khazanah maklumat penting dan berharga yang telah dizahirkan oleh putera bangsa yang amat berjasa kepada bangsanya.

“Tunku Abdul Rahman adalah nama terukir kukuh sebagai Bapa Kemerdekaan. Jasa bakti beliau terus segar dalam ingatan, tetap subur dalam kenangan,” titah baginda.